

# **BAB**

# **SATU**

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Persoalan mengenai 'Ibād al-Rahmān telah lama dibincangkan dikalangan ulamak Islam. Semenjak zaman Rasulullah s.a.w, konsep 'Ibād al-Rahmān telah difahami dan dihayati dalam kehidupan umat Islam khususnya generasi sahabat r.a. di bawah bimbingan Baginda s.a.w. sendiri .

Bertepatan dengan firman Allah s.w.t.:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*Maksudnya: " Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh tauladan yang baik bagimu yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah ".*

*Surah al-Ahzāb (33): 21*

Dunia menyaksikan betapa gawatnya keadaan umat Islam di akhir zaman kini yang banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur kemerosotan moral. Ini adalah hasil daripada pelbagai serangan pemikiran oleh musuh-musuh Islam, akibatnya umat

Islam mengalami kejahilan terhadap akidah, syari'at Islam dan musnahnya akhlak murni yang sejajar dengan Islam.

Umumnya, segenap lapisan masyarakat Islam dewasa ini sedang rancak mewar-warkan Islam dan kehidupan Islam seperti individu muslim, keluarga Islam, masyarakat Islam dan seterusnya negara Islam. Untuk membentuk *dawlah Islamiyah* bukan suatu perkara mudah. Tanpa ada kekuatan roh Islam dalam individu muslim dan keluarga Islam, maka cita-cita ini agak sukar untuk dicapai.

Namun begitu apa yang menjadi persoalan kita hari ini ialah masyarakat Islam tidak begitu mengambil berat mengenai persoalan akidah, iman, amal dan sifat mukmin yang menjadi asas kepada terbentuknya kehidupan Islam yang sempurna. Oleh itu, mereka amat mudah dikelirukan oleh fenomena yang mereka anggap sifat-sifat itu remeh, tidak perlu diperbincangkan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Malah tanpa disedari, kadang masyarakat kita tidak mengetahui bahawa sifat-sifat mukmin khususnya *'Ibād al-Raḥmān* ini benar-benar ditonjolkan di dalam al-Qur'an .

Sebagai alternatif, penulis cuba menyelusuri kembali konsep *'Ibād al-Raḥmān* dalam al-Qur'an khususnya pada *surah al-Furqān*. Guru-guru agama menjadi sasaran utama kerana mereka adalah ulamak Islam yang ditakliffkan Allah s.w.t. sebagai pewaris para nabi untuk mendidik dan menyebarkan ilmu Allah kepada khalayak umat berdasarkan kemampuan, yang dianugerahkan Allah s.w.t.

Justeru itu, penulis merasakan kajian ini perlu diberi penekanan yang lebih terperinci bagi mengenal pasti tahap kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam terhadap konsep *'Ibād al-Raḥmān*. Tumpuan utama adalah terhadap para guru Sekolah Menengah Agama di bandar Kuala Terengganu yang menjadi pusat mengembangkan pelbagai pemikiran dan ilmu pengetahuan.

## 1.2 Pengertian Tajuk

Penulis memperincikan pengertian tajuk kajian ini iaitu "*Kefahaman Masyarakat Islam terhadap konsep 'Ibād al-Raḥmān: Kajian Di kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Agama Di Kuala Terengganu*".

### 1.2.1 *'Ibād al-Raḥmān*

*'Ibād* adalah *jamak* dari perkataan *'abd* (عبد) bermaksud hamba-hamba. *Al-Raḥmān* pula bermaksud Tuhan yang Maha Penyayang.<sup>1</sup>

Jadi, *'Ibād al-Raḥmān* bermaksud ungkapan untuk memuliakan hamba-hamba Tuhan Yang Maha Penyayang.<sup>2</sup> Mereka mempunyai sifat-sifat terpuji dan beriman kepada Allah s.w.t, serta mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah s.w.t dengan dimasukkan ke dalam syurga .

<sup>1</sup> Al-Sheikh Muhammad Idris Abd al-Rauf al-Marbawi (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, h. 2

<sup>2</sup> Wahbah al-Zuhayli (1991), *al-Tafsir al-Munir*, Damshiq: Dar al-Fikr, j. 19, h. 101

### 1.2.2 Kajian

Kajian merupakan kata terbitan dari perkataan kaji bererti selidik. Kajian bermaksud satu kegiatan, usaha atau proses menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci. Ia dilakukan supaya sesuatu itu benar-benar diketahui dan supaya suatu keputusan dapat dibuat.<sup>3</sup>

### 1.2.3 Kefahaman

Kefahaman berasal dari perkataan faham bermaksud pengetahuan dalam fikiran mengenai sesuatu. Ia juga bererti fikiran atau anggapan yang menjadi pegangan seseorang. Selain dari itu, ia memberi makna tahu dan mengerti benar akan sesuatu. Dari satu segi pula, ia bermaksud kepercayaan atau pegangan individu atau masyarakat tentang sesuatu. Kefahaman pula memberi maksud keupayaan dan kemampuan memahami. Dengan kata lain, ia bermakna faham atau tidaknya seseorang akan sesuatu yang dipelajari.<sup>4</sup>

### 1.2.4 Masyarakat Islam

Menurut *Kamus Dewan*, masyarakat bermaksud pergaulan hidup atau kumpulan manusia yang hidup bersama, biasanya di sesuatu tempat dengan aturan

---

<sup>3</sup> Hajah Noreah bt Baharom (2000), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka , Edisi Ketiga, c. 5, h. 560.

<sup>4</sup> *Ibid* , h. 347

dan cara tertentu.<sup>5</sup> Masyarakat Islam pula bererti satu kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan berpandukan peraturan Islam dan sistem hidupnya.

Ini bersesuaian dengan pandangan sesetengah pemikir Islam seperti Sayyid Qutb. Beliau mentakrifkan masyarakat Islam atau umat Islam yang sebenar hanyalah satu kumpulan manusia yang hidup, *tasawwur*, realiti, sistem, nilai dan neraca pertimbangan mereka semuanya ditimba dari *manhaj* Islam.<sup>6</sup>

Walau bagaimanapun, kajian ini akan menggunakan istilah masyarakat Islam dengan pengertian yang lebih umum dan longgar iaitu satu kumpulan manusia yang hidup bersama dan mengaku memeluk agama Islam. Dengan itu, kajian ini diharapkan akan dapat membantu menyelesaikan masalah umat Islam secara lebih umum dan menyeluruh.

### 1.2.5 Guru-guru

Guru-guru bermaksud pendidik, pengajar atau pengasuh.<sup>7</sup>

### 1.2.6 Sekolah Menengah Agama

Sekolah bermaksud tempat untuk belajar dan mengajar iaitu tempat menerima ilmu pengetahuan dan memberi pelajaran dan pengalaman terhadap

---

<sup>5</sup> *Ibid*, h. 865

<sup>6</sup> Sayyid Qutb (1967), *Ma'ālim fi al-Tariq*, t.tp., t.pt., h. 6

<sup>7</sup> Hajjah Noresah bt Baharom (2000), *op.cit*, h. 356

seseorang.<sup>8</sup> Manakala sekolah menengah agama adalah institusi pembelajaran untuk para pelajar diperingkat umur 13 tahun sehingga 18 tahun yang mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang agama Islam.

### 1.2.7 Kuala Terengganu

Kuala Terengganu adalah ibu negeri Terengganu yang terletak di tenggara Semenanjung Malaysia.<sup>9</sup> Ianya merupakan bandar yang pesat membangun berada dibahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu bersebelahan dengan negeri Pahang diselaiannya dan negeri Kelantan diutaranya.

## 1.3 Rumusan Masalah

Berdasarkan pengertian tajuk di atas, penulis merumuskan beberapa persoalan yang dikaji sebagai berikut :

- 1.3.1 Apakah hubungan antara *surah al-Furqān* dan '*Ibād al-Raḥmān*' ?
- 1.3.2 Apakah yang dimaksudkan dengan '*Ibād al-Raḥmān*' seperti mana yang terdapat di dalam *surah al-Furqān* ?
- 1.3.3 Apakah sifat-sifat bagi '*Ibād al-Raḥmān*' secara terperinci dalam al-Qur'an ?

---

<sup>8</sup> *Ibid*, h. 1211

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 1431

- 1.3.4 Adakah masyarakat Islam hari ini khususnya guru-guru Sekolah Menengah Agama memahami ciri-ciri *'Ibād al-Raḥmān* yang terdapat di dalam al-Quran?
- 1.3.5 Sejauh mana tahap kefahaman guru-guru Sekolah Menengah Agama di Kuala Terengganu terhadap konsep *'Ibād al-Raḥmān* ?

#### 1.4 Objektif Penyelidikan

Penulis telah menentukan beberapa objektif untuk mengetahui tujuan sebenar penyelidikan ini dilakukan, antaranya:

- 1.4.1 Menjelaskan hubungan *surah al-Furqān* dengan *'Ibād al-Raḥmān*.
- 1.4.2 Menghuraikan *'Ibād al-Raḥmān* yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'an al-Karim berdasarkan pandangan *mufassirīn*.
- 1.4.3 Mengupas secara terperinci sitat-sifat *'Ibād al-Raḥmān* dalam *surah al-Furqān*.
- 1.4.4 Mengenal pasti pengetahuan guru-guru Sekolah Menengah Agama di Kuala Terengganu terhadap konsep *'Ibād al-Raḥmān*.
- 1.4.5 Menilai sejauh mana kefahaman guru-guru Sekolah Menengah Agama terhadap konsep *'Ibād al-Raḥmān* seperti dinyatakan oleh al-Qur'an.



## 1.5 Bidang dan Skop Kajian

Bidang kajian penulisan ini adalah bidang tafsir al-Qur'an. Penulis akan menumpukan kajian terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan konsep *'Ibād al-Rahmān* terutama di dalam *surah al-Furqān*. Seterusnya, penulis akan menganalisis tahap kefahaman masyarakat Islam khususnya guru-guru Sekolah Menengah Agama di Kuala Terengganu.

## 1.6 Ulasan Penulisan

Setakat kajian ini dijalankan, penulis belum mendapati mana-mana kajian yang berkaitan dengan tajuk ini dilakukan. Penulis cuba mengkaji dan mendalami tajuk kajian ini melalui kitab-kitab tafsir al-Qur'an khususnya di dalam *surah al-Furqān* yang jelas menceritakan, secara terperinci mengenai ciri-ciri *'Ibād al-Rahmān*.

## 1.7 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini adalah gabungan penyelidikan perpustakaan dan lapangan. Data-data untuk bab pertama dan kedua diambil dari buku-buku dan dokumen-dokumen dari perpustakaan. Manakala bab ketiga dan keempat merupakan penyelidikan lapangan. Ini termasuk pengumpulan data dari temu bual dan soal selidik yang akan

melibatkan masyarakat Islam khususnya dikalangan guru-guru Sekolah Menengah Agama. Ianya mengenai beberapa perkara asas berhubung dengan konsep '*Ibād al-Rahmān*'. Seramai 140 orang responden diambil secara khusus di sekolah-sekolah Menengah Agama, bandar Kuala Terengganu.

## 1.8 Sistematika Penulisan

Dalam penyelidikan ini, penulis membahagikan kepada lima bab :

### **Bab Pertama;**

Bab ini merupakan pendahuluan. Ia menjelaskan mengenai latar belakang masalah yang mendorong penulis memilih tajuk ini. Ia turut memuatkan pengertian tajuk, rumusan masalah, objektif penyelidikan, bidang dan skop kajian, ulasan penulisan, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

### **Bab Kedua;**

Pada bab ini penulis menerangkan mengenai *surah al-Furqān* dan '*Ibād al-Rahmān*' yang padanya Allah s.w.t telah menggambarkan tentang konsep '*Ibād al-Rahmān*' yang terdapat khusus di dalam *surah al-Furqān*. Ia memuatkan secara terperinci pengenalan *surah al-Furqān*, kedudukan *surah al-Furqān*, sebab penamaan

*surah al-Furqān*, hubungan *surah al-Furqān* dengan surah sebelumnya iaitu *surah al-Nūr*.

Seterusnya pada bab ini, penulis membawa pembaca untuk mengenali sifat-sifat *'Ibād al-Raḥmān* pada *surah al-Furqān* ini. Ianya termasuk pengenalan kepada *'Ibād al-Raḥmān*, sebab dinamakan *'Ibād al-Raḥmān*, kategori sifat-sifat *'Ibād al-Raḥmān* yang mengandungi sembilan sifat iaitu tawaduk, lemah lembut dan bercakap baik, sentiasa solat tahajud, takut pada azab Allah s.w.t, sederhana dalam berbelanja, menjauhi daripada perbuatan syirik, membunuh dan berzina, menjauhi daripada melakukan persaksian palsu atau dusta, sedia menerima nasihat dan sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t. Bab ini diakhiri tentang janji-janji Allah s.w.t. kepada orang beriman yang bersifat *'Ibād al-Raḥmān*.

### **Bab Ketiga;**

Menerusi bab ini, penulis memfokuskan konsep *'Ibād al-Raḥmān* dengan pengkhususan yang lebih realiti iaitulah kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Agama di Kuala Terengganu. Padanya meliputi sinopsis bandar Kuala Terengganu, latar belakang perkembangan pendidikan agama melalui sekolah-sekolah menengah agama di Kuala Terengganu yang dipilih antaranya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek. Di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu iaitu Sekolah Menengah Agama (A) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Sekolah Menengah Agama Khairiah, Gong Kapas, Sekolah Menengah

Agama Sultan Zainal Abidin, Ladang dan Maahad Tahfiz Negeri Terengganu di Padang Midin. Manakala di bawah Jabatan Pendidikan Swasta iaitu Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Tok Jiring dan Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk, Pengadang Baru.

#### **Bab Keempat;**

Bab ini adalah hasil penyelidikan secara lapangan ke atas lokasi yang telah ditentukan. Penulis akan mengemukakan analisa data yang diperolehi dari para responden yang terlibat. Penulis akan menentukan tahap kefahaman masyarakat Islam khususnya guru-guru Sekolah Menengah Agama di Kuala Terengganu yang dipilih terhadap tajuk kajian ini, sumber maklumat mereka serta masalah-masalah berkaitan konsep *'Ibād al-Rahmān* .

#### **Bab Kelima;**

Bab terakhir merupakan konklusi dan finding. Dalam bab ini diutarakan kesimpulan dan saranan hasil daripada kajian ini kepada semua pihak yang berkenaan dan berperanan dalam mempertingkatkan kefahaman masyarakat Islam terhadap konsep *'Ibād al-Rahmān*.